# Dekan PPIB kunjungi Pengarah UMSKAL

UB 18-10-2014 B4

LABUAN: Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Vincent Pang mengadakan kunjungan hormat terhadap Pengarah UMS Kampus Antarabangsa Labuan, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik, kelmarin.

Majlis yang berlangsung di pejabat Pengarah UMSKAL, Aras 13, Bangunan Menara itu turut dihadiri Penyelaras PPIB UMSKAL, Dr Mohd Azri Ibrahim dan Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah.

Sambil mengeratkan hubungan baik yang sedia terjalin antara kedua-dua pihak, Vincent turut memaklumkan perkembangan terkini PPIB di UMS Labuan.

Beliau berada di sini untuk mempengerusikan mesyuarat dengan pensyarah PPIB UMSKAL di Bilik Mesyuarat PPIB Aras 4, Bangunan Menara UMS Labuan.



**VINCENT (empat kiri) bergambar kenangan bersama Prof Madya Dr Murnizam (empat kanan) di Pejabat Pengarah UMSKAL. Turut kelihatan Dr Mohd Azri (tiga kanan) dan Zamri (dua kanan).**